

THE Young University Rankings 2022: UNIMAS Kekal di 401+



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMUJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION
DR SHARIZAL HASHIM

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



Kota Samarahan : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kekal berada pada kedudukan 401+ dunia dalam penarafan edisi terbaharu *Times Higher Education (THE) Young University Rankings 2022*. Keputusan ini diumumkan oleh pihak THE yang berpangkalan di London, United Kingdom pada 15 Februari 2022.

THE Young University Rankings menyenaraikan universiti terbaik di dunia yang berusia 50 tahun atau lebih muda. Sebanyak 539 buah universiti dunia berada dalam edisi penarafan pada kali ini, meningkat daripada 475 buah pada tahun 2021.

Daripada jumlah tersebut hanya 13 buah universiti di Malaysia yang tersenarai dan UNIMAS berada pada kedudukan ke-8, meningkat dari tangga ke-10 pada tahun lalu.

Ranking penarafan ini menilai Universiti dari semua aspek misi utamanya iaitu pengajaran (teaching), penyelidikan (research), pemindahan pengetahuan (knowledge transfer) dan pandangan antarabangsa (international outlook) untuk memberi

perbandingan yang paling komprehensif dan seimbang dalam persekitaran sedia ada.

Jadual penarafan dan metodologi yang digunakan adalah berdasarkan kepada 13 petunjuk prestasi yang sama dengan kedudukan utama *THE World University Rankings* tetapi wajarannya telah disesuaikan untuk memberikan wajarannya yang lebih rendah kepada reputasi.

Dalam analisa yang dikeluarkan, penarafan terkini UNIMAS dalam *ranking* kali ini telah mencatat peningkatan markah dalam semua aspek / kategori. Peningkatan markah ini menjadikan UNIMAS dapat kekal di kedudukan 401+ walaupun bilangan universiti yang disenaraikan telah bertambah.

Dari segi perbandingan dengan Universiti Awam di Malaysia pula menyaksikan UNIMAS berada di kedudukan keempat selepas UUM, UTM dan UNIMAP. Antara kategori menunjukkan peningkatan ketara ialah *International Outlook* dengan 48.7 markah berbanding 43.8 pada tahun lalu.

Bengkel Pengurusan Risiko UNIMAS Siri 1/2022

Kota Samarahan : SQRC melalui Unit Pengurusan Risiko dan Kualiti telah berjaya menganjurkan Bengkel Pengurusan Risiko UNIMAS Siri 1/2022 pada 18 Februari 2022 bertempat di Makmal Komputer 2, FSKTM.

-da pegawai yang baharu dilantik untuk menguruskan risiko PTj.

Taklimat dan demo berkenaan penambahbaikan pengurusan risiko dan Sistem Daftar Risiko dalam talian



Ini merupakan salah satu siri latihan yang telah dirancang untuk tahun 2022.

Objektif bengkel adalah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Pengurus Risiko dan ahli JKPR PTj selain memberi pendedahan kepada

yang sedang dibangunkan pihak SQRC turut diadakan.

Seramai 40 orang peserta telah hadir ke bengkel kali ini yang dikendalikan oleh Dr Sharizal Hashim dan Pn Darisuliana bt Abang Abdul Rahman.

Tahniah atas pelantikan semula sebagai Ketua Strategi Fakulti

Kota Samarahan : Pihak Pengurusan UNIMAS telah mengumumkan beberapa pelantikan semula Ketua Strategi (KS) Fakulti baru-baru ini.

Ketua Strategi Fakulti akan menyelaras pelaksanaan dan pemantauan perancangan strategik di peringkat fakulti.

Mereka juga akan membantu Dekan Fakulti dalam memastikan perihal berkaitan strategi, kualiti, *ranking* dan *rating* Universiti dapat dilaksanakan dengan berkesan.



Prof Madya Dr Hairul
Azman b Roslan
Ketua Strategi FSTS
1/2/22-31/1/24



Dr Nur Zaimah bt
Ubaidillah
Ketua Strategi FEP
1/2/22-31/1/24



En Ringah anak Kanyan
Ketua Strategi FSGK
1/2/22-31/1/24



Prof Madya Dr Ting Su Hie
Ketua Strategi FBK
1/2/22-31/1/24

Sumbangsaran SQRC 2022 : Merencana Strategi & Memantapkan Operasi

Kota Samarahan : SQRC telah mengadakan Sumbangsaran SQRC 2022 pada 21-22 Februari 2022 yang lalu di salah sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Kuching.

Sumbangsaran ini adalah susulan cadangan dalam Mesyuarat Pengurusan SQRC untuk mengadakan *retreat* bagi merencana strategi dan memantapkan operasi SQRC.

Antara objektif Sumbangsaran SQRC yang dijalankan buat julung kalinya ini ialah merencana strategi bagi memantapkan operasi dan mutu perkhidmatan dan penyampaian.



Selain itu, sumbangsaran ini adalah untuk mengenalpasti mandat dan arahan terkini dari pemegang taruh selain menyediakan Takwim Perancangan Strategik Tahun 2022.

Pengisian hari pertama dimantapkan dengan kehadiran Ketua Strategi Fakulti dan tetamu kehormat YBhg Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi. Beliau turut menyampaikan amanat sekaligus merasmikan sesi sumbangsaran ini.



Selain sesi pembentangan beberapa topik, sesi *team building* turut dijalankan pada hari kedua sebagai pembakar semangat semua staf SQRC dalam menjalankan amanah yang digalas.

Taklimat Penarafan SETARA 2022

Kota Samarahan : Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengadakan Taklimat Penarafan SETARA 2022 kepada semua Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia pada 2 Mac 2022.

UNIMAS diwakili oleh SQRC yang merupakan Urusetia Penarafan SETARA pada kali ini. Penarafan IPT Malaysia pada kali ini akan melibatkan penilaian dan auditan data-data bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.




UNIMAS dikategorikan sebagai *mature university* dengan umpukan pemarkahan bagi 4 kategori seperti berikut:

Mature University
General 40%
Teaching & Learning 30%
Research 20%
Services 10%

Susulan taklimat oleh KPT, pihak SQRC telah mengambil tindakan mengadakan Sesi Taklimat Penarafan SETARA kepada semua PTJ terlibat pada 9

Mac 2022. Taklimat dikendalikan oleh Pengarah SQRC, Prof Dr Tarmiji Masron.

Taklimat secara khusus menerangkan berkaitan garis masa penyediaan dan penghantaran data serta penerangan terperinci mengenai instrumen penarafan SETARA 2022.



Mesyuarat PPMC bersama KPT

Kota Samarahan : Wakil PTJ UNIMAS telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Program (PPMC) bersama KPT pada 3 Mac 2022.

Mesyuarat bertujuan merancang hala tuju dan menyediakan kerangka keberhasilan sebagai perseediaan permohonan Bajet

2023 yang diselaras KPT. Kerangka Keberhasilan 2023 perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada awal Mei 2022.

Bajet Berasaskan Outcome (OBB) meliputi perancangan, penyediaan bajet, pemantauan dan penilaian serta pelaporan keberhasilan.



Mesyuarat PPMC dijalankan secara atas talian bersama KPT

Staf SQRC Santai di Adis Buan

Bau : Staf SQRC telah mengambil kesempatan pada 12 Februari 2022 yang lalu untuk bersantai bersama-sama keluarga di Adis Buan Resort, Bau.

Kesempatan pada hujung minggu tersebut



digunakan untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan antara staf SQRC.

Pelbagai aktiviti santai telah diadakan antaranya bbq dan berkayak. Semoga aktiviti seperti ini akan dapat diteruskan lagi.. ❤️

Kalendar Aktiviti



Februari 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	QS WUR	Data Submission to QS Hub	4/02/2022
2	QS AUR	Data Submission to QS Hub	4/02/2022
3	Mesyuarat JK Pengurusan Prestasi Program (PPMC) KPT	OBB Tahun 2023	17/02/2022
4	Bengkel Pengurusan Risiko Siri 1	Risk Management	18/02/2022
5	Sumbangsan SQRC 2022	SQRC & Ketua Strategi	21-22/02/2022

Mac 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat JSKU	Bil.01/2022 Ke-23	1/03/2022
2	Taklimat SETARA 2022	KPT	2/03/2022
3	Mesyuarat JK Pengurusan Prestasi Program (PPMC) KPT	OBB Tahun 2023 - KPT	3/03/2022
4	Sesi Taaruf dan Perbincangan Ringkas Pegawai Risiko UA	Anjuran UUM	8/03/2022
5	Bengkel Penyelarasan Kerangka Keberhasilan OBB	KPT	8/03/2022
6	Taklimat SETARA UNIMAS 2022	SQRC	9/3/2022
7	Mesyuarat Kualiti Data (MKD) Bil.1/2022	KPT	15/03/2022
8	Mesyuarat JKPR	Bil.01/2022	15/03/2022
9	THE WUR	Data Submission to THE Hub	30/03/2022



Aras 3, Canselor
<http://www.sqrc.unimas.my/>